

**ANALISIS SEMANTIK DAN MORFOLOGI LEKSIKAL *Al-MUWALLAD*  
DALAM KAMUS BAHASA ARAB**

Mashitah Binti Abdullah

Sarjana Pengajian Bahasa Moden

Universiti Malaya, Kuala Lumpur

[mashitahabdullah@gmail.com](mailto:mashitahabdullah@gmail.com)

*Kajian berbentuk kuantitatif ini akan dijalankan bertujuan untuk menganalisis item leksikal al-Muwallad dalam kamus bahasa Arab dari aspek semantik serta kaitannya dari aspek morfologi. Kamus yang dipilih adalah Al-Mu'jam Al-Arabiyy Al-Asasi iaitu merupakan salah satu kamus bahasa Arab moden dihasilkan oleh Jawatankuasa Pendidikan, Kebudayaan dan Keilmuan Arab. Leksikal al-Muwallad merujuk kepada leksikal yang diberikan makna baru atau dalam kata lain yang mengalami perubahan makna selari dengan peredaran masa. Data-data utama akan dikumpul daripada kamus Al-Mu'jam Al-Arabiyy Al-Asasi secara manual dan sampel dipilih secara rawak daripada sekumpulan data tersebut. Sampel dianalisis menggunakan kaedah analisis teks dengan mengklasifikasikan berdasarkan bahagian-bahagian perubahan makna. Setelah mengenal pasti bahagian tersebut, data-data tersebut akan dilihat dari sudut perkaitan antara semantik (makna) dan morfologi (pola) untuk menjelaskan hubungan perkaitan antara dua aspek yang telah ditentukan. Secara umumnya, kajian ini berusaha merungkai perkaitan perubahan makna serta jenis pola yang wujud bagi setiap leksikal al-Muwallad.*

## PENGENALAN

Bahasa Arab adalah salah satu bahasa utama di dunia dan bahasa rasmi agama Islam. Sumber-sumber utama agama Islam tercatat dalam bahasa Arab. Bahasa ini digunakan dengan meluas di merata tempat sebagai bahasa ilmu, bahasa diplomasi, bahasa ekonomi, bahasa pelancongan dan lain-lain (Mohd Zaki, 2010).

Tidak terdapat dalam kalangan penyelidik yang memutuskan tarikh bermulanya bahasa Arab, tetapi kebanyakan mereka mengatakan bahasa ini bermula lebih kurang dua kurun sebelum hijrah (Ibrahim Anis, 1973 dipetik daripada Mohd Zaki, 2010).

Akan tetapi, berdasarkan kesan yang didapati terhadap bahasa Arab ini ia bersifat lengkap dalam memenuhi keperluan semua aspek hidup masyarakat Arab pada zaman sebelum Islam. Malah ia berkembang dengan pesat selepas turunnya al-Quran al-Karim dan tersebar secara meluas berikutan tersebarnya Islam ke pelusuk dunia.

Al-Quran al-Karim dan ajaran Islam tersebut telah memberi kesan yang mendalam terhadap kehidupan orang Arab khususnya dan orang Islam amnya. Rentetan daripada kesan itu, al-Quran menjadi pemacu utama kepada perkembangan kajian semantik bahasa Arab.

Kajian semantik terhadap al-Quran tercetus apabila wujudnya sebilangan orang Arab yang tidak mempercayai kebenaran al-Quran terhadap ketinggian bahasanya yang juga menggunakan bahasa Arab. Ahli-ahli bahasa Arab dan sasterawan Arab juga dicabar bagi menyaingi bahasa al-Quran dan kehebatannya walaupun pada hakikatnya tiada siapa yang mampu menandingi kehebatan dan kemuliaan al-Quran. Berdasarkan fenomena

tersebut, hasillah kajian yang mendalam terhadap makna tersurat dan tersirat bagi setiap lafaz yang terdapat di dalam al-Quran. Para penyelidik seterusnya menyambung penyelidikan terhadap al-Hadith al-Nabawi dari aspek kajian makna bahasa Arab dan akhirnya merangkumi kepelbagaian penggunaan bahasa Arab yang tidak terhad kepada al-Quran dan al-Hadith al-Nabawi (Muhammad Marwan dan Wan Moharani, 2009: 28-29).

### **Latar Belakang Kajian**

Nur Hashimah berpandangan melalui petikan beliau:

Penyelidikan semantik menjadi bertambah menarik dengan aplikasi yang dilakukan pada leksikografi. Tidak kira sama ada menggunakan pendekatan teori relevans mahupun semantik kognitif, kedua-dua penyelidikan ini mampu memberi nafas baru serta bersifat komtemporari bagi mengatasi masalah kemelut penyusunan kamus.

(Nur Hashimah, 2007: 54)

Tambah beliau, antara pengkaji-pengkaji yang menerokai semantik dengan aplikasi pada perkamusan ialah Salmah Jabar (1999), Nur Hashimah (2001), Hawiyah Baba (2003), Lee Yang Suk (2005), Rusmadi Baharuddin (2005), Salina Jaafar (2005), Imran Ho Abdullah dan Norsimah Mat Awal (2005), Junaidi Kasdan (2007), Hasnah Mohamad (2007). Antara aspek yang dikaji oleh mereka adalah masalah kelinggaran makna, pendefinisian semula makna entri, menangani masalah polisemi, peluasan makna dan pemilihan serta kekangan makna dalam peristilahan (Nur Hashimah, 2007: 54-55).

Kamus *Al-Mu'jam al-'Araby al-Asasi* (المعجم العربي الأساسي) merupakan salah satu kamus yang diusahakan oleh pusat-pusat bahasa Arab meskipun ia tidak diterbitkan oleh pusat bahasa Arab itu sendiri. Hal ini kerana usaha-usaha yang dilakukan oleh Jawatankuasa Pendidikan, Kebudayaan dan Keilmuan Arab yang bernaung di bawah Liga Arab ini

mendapat kerjasama sepenuhnya daripada pusat-pusat bahasa Arab dan universiti-universiti negara-negara Arab. Di samping itu, ilmuwan-ilmuwan yang terlibat secara terus atau sebaliknya dalam mempersembahkan kamus ini merupakan ahli atau pakar-pakar rujuk pusat bahasa Arab khususnya Pusat Bahasa Arab Mesir, Kaherah.

Terdapat 25000 entri asas yang disusun dalam *Al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asasi* menggunakan kaedah alfba'iyy iaitu mengikut abjad. Setiap perkataan asas dipecahkan kepada bentuk binaan perkataan dan jenis-jenisnya. Penerangan perkataan dibuat secara terperinci berserta contoh yang diambil daripada ayat-ayat al-Quran, al-Hadith, kata-kata hikmah, contoh-contoh penggunaannya dan juga bahasa yang terkini. Istilah moden dari pelbagai bidang turut dimuatkan setelah diubah suai mengikut tatacara perkataan Arab serta diiktiraf oleh pusat-pusat bahasa Arab.

Kamus ini ditujukan khusus kepada pembaca umum dan pencinta bahasa Arab yang ingin mengenali bahasa Arab dengan lebih mendalam. Pelbagai usaha telah giat dilaksanakan bermula Oktober 1982 bagi menyempurnakan sebuah kamus moden bahasa Arab yang dapat digunakan oleh semua khususnya para pelajar yang berlatarbelakangkan dari pelbagai bidang pengajian. Akhirnya, pada tahun 1989 kamus ini berjaya dicetak dan dipasarkan hasil daripada kesungguhan para ilmuwan bahasa Arab (Muhammad Marwan dan Wan Moharani, 2007: 114-115).

### **Pernyataan Masalah**

Struktur bahasa yang berupa kata-kata atau istilah-istilah itu bukan sekadar rangkaian bunyi mati dalam susunan morfologi, melainkan di dalamnya mengandungi makna. Masalah makna yang ada di balik kata atau disebut dengan semantik telah lama

diperbincangkan oleh kalangan filosof, ahli logika, ahli bahasa, ahli retorika, ahli usul fikh, baik dari kalangan bangsa Arab mahupun bukan Arab. Pembahasan semantik dikaji dalam linguistik baik secara teoritis mahupun praktis seperti melalui kamus bahasa (المعجم اللغوية) (Tajudin Nur: 2010).

Kini, lahirnya pelbagai kajian berkaitan bahasa Arab di Malaysia terutamanya dalam bidang pengajaran dan pembelajaran dan tidak kurang banyaknya berkenaan peminjaman kata bahasa Arab yang wujud di dalam bahasa Melayu.

Walaupun begitu, amat sedikit kajian mengenai leksikal bahasa Arab itu sendiri yang tidak dipinjam atau diganggu oleh bahasa asing mengikut amatan pengkaji. Oleh yang demikian, pengkaji merumuskan bahawa kajian ini penting untuk melihat fenomena kepelbagaian jenis makna (dari aspek semantik) dan variasi pola morfologi perkataan bahasa Arab. Di samping itu, kajian ini juga akan menyingkap pelbagai pengetahuan baru tentang leksikal bahasa Arab sekaligus menjadi kesinambungan untuk kajian lanjutan pada masa akan datang.

### **Objektif Kajian**

Kajian tentang morfologi dan semantik adalah penting terutama dalam bidang leksikografi. Ketiadaan ilmu ini, terutamanya semantik akan menyukarkan seseorang untuk menyusun atau menyelenggarakan sebuah kamus. Penyusunan kamus juga dianggap suatu seni perakaman kata yang perlu ditangani dengan halus dan teliti (Wan Mohd Saophy Amizul: 2010).

Maka objektif kajian yang telah dikenal pasti adalah seperti urutan berikut:

- 1) Mengenal pasti jenis makna yang terdapat dalam leksikal *Al-Muwallad* dalam
- 2) kamus *al-Mu'jam al-'Arabiy al-Asasi*.
- 3) Mengenal pasti item leksikal *Al-Muwallad* yang mengalami perubahan dari aspek makna dalam kamus *al-Mu'jam al-'Arabiy al-Asasi*.
- 4) Mengenal pasti perkaitan perubahan makna leksikal *Al-Muwallad* dari aspek morfologi.

### **Kepentingan Kajian**

Penulisan ini akan mengemukakan hasil kajian dari salah satu disiplin ilmu iaitu dalam bidang semantik yang berkaitan dengan leksikal. Kekurangan pengetahuan tentang makna akan menghalang daripada menguasai bahasa secara baik. Ini kerana terdapat pelbagai jenis perubahan makna yang berlaku dalam leksikal tertentu seperti leksikal *al-Muwallad* akibat daripada perkembangan sesuatu bahasa.

Justeru itu, kajian ini mempunyai kepentingan yang jelas yang mana dapat memberi sumbangan terhadap proses pembelajaran para pelajar terutamanya dalam memahami dan menghayati dengan jelas berkenaan leksikal *al-Muwallad* tersebut. Ini kerana dengan memahami dengan jelas dapat meningkatkan penguasaan bahasa Arab atau bahasa kedua di pelbagai peringkat pengajian. Kajian ini juga amat penting kerana menerokai fenomena perubahan makna leksikal *al-Muwallad* dan kaitan perubahan tersebut dengan kepelbagaian pola yang memberi kesan terhadap proses perubahan.

Di samping itu, diharapkan juga penulisan ini dapat membantu mereka yang terlibat secara langsung atau tidak secara langsung dalam bidang perkamusan untuk memahami dengan terperinci makna leksikal *al-Muwallad* berdasarkan hasil dapatan kajian. Para

pengkaji juga diharap dapat memanfaatkan hasil kajian yang telah dianalisis bagi kajian-kajian mereka sama ada terlibat secara khusus dalam bidang semantik atau bidang yang berkaitan.

## Definisi Operasional

### 1. Leksikal

Kamus Dewan<sup>1</sup> edisi keempat mendefinisikan leksikal sebagai berkenaan dengan perkataan atau perbendaharaan kata sesuatu bahasa. Contohnya seperti ‘makna leksikal’ yang merujuk kepada makna sesuatu perkataan itu sendiri tanpa melihat kepada penggunaannya dalam sesuatu ayat. Dalam bahasa Arab, leksikal disebut sebagai kalimat ( كلمات ) seperti contoh terjemahan ayat<sup>2</sup> ‘buku ini mengandungi perkataan-perkataan yang susah (يحتوي هذا الكتاب كل مفردات صعبة)’. Selain perkataan kalimat ( كلمات ), leksikal juga disebut sebagai<sup>3</sup> mufradat (مفردات) iaitu yang berkait dengan perkataan atau yang mempunyai hubungan dengan kamus atau penghasilan kamus.

### 2. *Al-Muwallad*

Menurut kamus *al-Mu’jam al-‘Arabiyy al-Asasi*, perkataan ‘*al-Muwallad*’ bermaksud perkataan Arab yang digunakan pada masa silam tetapi diberikan makna baru selepas zaman *al-Riwayat*. Definisi *al-Muwallad* kamus tersebut seperti petikan di bawah:

---

<sup>1</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005: 912. Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>2</sup> Kamus al-Mu’jam al-‘Arabiyy al-Asasi, 1999: 920. Larousse.

<sup>3</sup> Kamus al-Mawrid, 1999: 525. Dar El-Ilm Lil-Malayan.

"لفظ عربي استعمل قديما وأعطي معنى جديدا بعد عصر الرواية"

Setiap leksikal *al-Muwallad* di dalam kamus *al-Mu'jam al-'Arabiy al-Asasi* ditandakan dengan simbol (مو)<sup>4</sup>. Contohnya perkataan "*ista'mara*" استعمر daripada kata akar "*a'mara*" عمر yang bermaksud menyediakan tenaga pekerja atau menjajah. Secara umumnya, *al-Muwallad* dapat ditakrifkan sebagai sesuatu yang baru<sup>5</sup> manakala secara khususnya merujuk kepada perkataan yang mempunyai makna baru.

### 3. *Al-Riwayat*

Perkataan *al-riwayat* mempunyai beberapa pengertian seperti yang dijelaskan di dalam Kamus Besar Arab-Melayu Dewan. Kamus tersebut mendefinisikan *al-riwayat* yang merujuk kepada: a) cerita, manakala b) salah satu bentuk berita, dan c) dalam aspek perundangan Islam didefinisikan kepada pemindahan keterangan atau berita tentang perbuatan (perkataan dan lain-lain) daripada nabi Muhammad S.A.W (Kamus Besar Arab-Melayu Dewan, 2006: 995).

Definisi yang telah dinyatakan oleh Kamus Besar Arab-Melayu dilihat menyerupai dengan maksud perkataan *al-riwayat* yang diterangkan oleh kamus *al-Mu'jam al-'Arabiy al-Asasi* dalam konteks penerangan yang menggunakan bahasa Arab. Walau bagaimanapun, definisi yang diberikan oleh kamus *al-Mu'jam al-'Arabiy al-Asasi* adalah lebih khusus iaitu cerita dalam bentuk prosa yang panjang (*al-Mu'jam al-'Arabiy al-Asasi*, 1999: 564).

### 4. Semantik

---

<sup>4</sup> Kamus Al-Mu'jam al-'Arabiy al-Asasi, 1999: 61. Larousse.

<sup>5</sup> Kamus Besar Arab-Melayu Dewan, 2006:2691. Dewan Bahasa dan Pustaka.



Nur Hashimah (2007: 43) mendefinisikan semantik adalah kajian makna. Bahasa tanpa makna tidak bermakna. Maksudnya tidak kira fonologi, morfologi atau sintaksis, semantik boleh menjadi bidang dampingan yang erat demi menjelaskan lagi tabii bahasa yang dikaji. Malah makna tanpa lisan berjaya dicungkil menggunakan semantik.

Secara kesimpulannya dapat dikatakan bahawa semantik merupakan cabang kajian linguistik yang berkait secara langsung dengan elemen makna. Semantik juga menetapkan tatacara kajian makna secara ilmiah dengan menggunakan metod yang jelas lagi bersistematik. Semantik tidak hanya memfokuskan kepada kajian secara teori sahaja malahan ia juga mengkaji elemen makna terhadap bahasa manusia secara amali dan aplikasi. Kajian makna secara amali ini mengaplikasikan hasil-hasil kajian semantik secara teori dalam sebuah buku khas yang dikenali sebagai kamus atau mu'jam dalam bahasa Arab (Muhammad Marwan dan Wan Moharani, 2009: 34).

## **5. Morfologi**

Terdapat pelbagai definisi morfologi yang dinyatakan oleh pakar-pakar bahasa seperti Lyons, Bloomfield, Jensen, Nik safiah Karim dan lain-lain lagi. Berdasarkan kepada konsep-konsep mereka, morfologi dikaitkan dengan perkataan atau dalam kata lain, morfologi adalah bidang ilmu yang mengkaji bentuk kata. Oleh yang demikian, perkataan adalah unsur penting dalam pengkajian morfologi (Harison, 2011: 86).

## **TINJAUAN LITERATUR**

### **Teori Medan Makna**

Menurut Lehrer (1924) yang dipetik daripada Raksana Bibi (1993), penjelasan tentang bagaimana kata-kata boleh mendapat makna baru dalam konteks-konteks tertentu boleh

dilihat melalui teori medan. Contoh yang diberikan beliau ialah seperti perkataan sendi yang pada asalnya merujuk pada bahagian-bahagian sambungan tulang telah mengalami ekstensi semantik bagi merujuk golongan kata yang bertugas menghubungkan bahagian-bahagian ayat di dalam konteks ilmu bahasa.

Trier menyebut:

Teori Medan ialah satu teori yang membicarakan satu set perkataan yang berhubungan yang tergolong di bawah satu domain (medan semantik, bidang subjek). Contohnya, "*glass, a container*" boleh dikaji bersama-sama dengan *cup, bowl, mug, vase*, dan perkataan-perkataan lain yang membawa makna container untuk melihat bagaimana item-item ini berbeza.

(Lehrer, 1974: 7, dipetik daripada Aini, 2005: 85)

Trier adalah seorang ahli linguistik Jerman yang mempelopori teori medan makna yang dikembangkan melalui karyanya. Trier (Darwis, 1994: 3 dipetik daripada S. Nathesan, 2003: 113-114) telah mengembangkan gagasan de Saussure berasaskan pandangan budayawan Jerman, iaitu J.G. von Herder dan ahli falsafah Jerman W. Von Humbolt lalu mengemukakan gagasannya yang terkenal iaitu Teori Medan Makna. Melalui pendekatan ini, sesuatu medan makna membahagikan medan konsep kepada bahagian seperti sesuatu *mosaic* (Lehrer: 1974). Gagasan ini juga memberi pengertian bahawa perkataan pada mulanya mempunyai makna yang saling bertindihan akhirnya memiliki makna masing-masing secara khusus.

Toeri Medan yang dikembangkan oleh Trier ini juga mengenal pasti bahawa setiap bahasa yang dikembangkan dengan realiti secara unik. Trier juga mengatatakan bahawa dalam bidang leksikal, seluruh rangkaian konsep atau lingkungan pemikiran (idea)

bersambungan dalam jangka waktu yang terhad. Beliau juga telah membezakan bidang leksikal dan konseptual.

Tambah Lehrer, (1974, dipetik daripada Aini, 2005: 87) sesuatu perkataan menghasilkan makna dengan cara mempertentangkan dengan polanya. Sebagai contoh dalam bahasa Melayu, kasut (satu alat yang digunakan untuk mengalas kaki ketika berjalan). Di samping itu, terdapat berbagai-bagai jenis kasut dengan saiz, bentuk, kegunaan serta bahan buatannya. Contohnya seperti kasut sukan, kasut kulit, kasut getah dan yang seumpamanya. Kasut juga terdiri daripada pelbagai jenama yang mempunyai pelbagai jenis, bentuk dan bahagian pengkhususan tertentu. ini bermakna kasut merupakan hiponim bagi kasut sukan, kasut getah, kasut kulit dan sebagainya (Aini, 2005: 87).

Andaian teori medan yang dipegang oleh Trier ini adalah perbendaharaan kata sebagai sesuatu yang mempunyai struktur. Oleh itu, perkataan yang mempunyai hubungan secara konseptual dalam sesuatu bahasa boleh diklasifikasikan ke dalam set tertentu (W.T. Gordon (1982) yang dipetik daripada S. Nathesan, 2003: 114).

Secara kefahaman, teori Medan Makna ialah satu teori yang melibatkan sekumpulan atau satu set perkataan yang saling berkaitan dalam satu medan. Dalam sesuatu medan, terdapat satu makna yang dikongsi bersama yang dikenali sebagai makna pusat. Selain makna yang dikongsi bersama, terdapat juga beberapa kompenan yang membezakan antara satu perkataan dengan satu perkataan lain yang dikenali sebagai fitur distingsif (Aini, 2005: 89).

Berdasarkan amatan pengkaji, Teori Medan Makna yang dicetuskan oleh Trier dapat dimanfaatkan dalam kajian ini memandangkan ia boleh diaplikasikan dalam pelbagai bahasa utama yang wujud di dunia ini. Kajian ini menjadi lebih penting dengan menyesuaikan Teori Medan Makna terhadap leksikal yang khusus iaitu leksikal *al-Muwallad*.

### **Morfologi Bahasa Arab**

Kamus mempunyai hubungan yang sangat penting dengan ilmu semantik. Hal ini kerana objektif kamus yang utama adalah untuk menetapkan perkataan dan maknanya. Berpaksakan kepada fenomena tersebut berasaskan aspek morfologi, bahasa Arab terletak di dalam golongan bahasa infleksi (*inflectional language*) atau dikenali juga sebagai bahasa fleksi (*flectional language*). Bahasa dalam golongan ini memperlihatkan gabungan ciri-ciri distingsif dari segi semantik dalam satu bentuk terikat yang tunggal atau dalam bentuk terikat yang bersatu dengan padunya. Dengan kata lain ia memperlihatkan perubahan dalaman bagi kata dan ciri-ciri yang berkaitan dengan aspek masa, aspek jumlah, aspek jenus (jantina), kasus dan lain-lain (Asmah, 1992: 54 dipetik daripada Mohd Zaki, 2010).

Morfologi merupakan asas yang dikira penting bagi ilmu perkamusan. Kepentingan ini jelas sekali apabila kamus-kamus menyentuh tentang perkara yang bersangkutan paut dengan sesuatu item leksikal seperti menjelaskan tentang perkataan ketika ianya dimasukkan huruf-huruf imbuhan atau dibuang, di derivasikan dan perubahan yang terjadi ketika dijalani proses qalb (القلب) iaitu penukaran huruf atau al-ibdal (الإبدال) iaitu gantian huruf. Begitu jugalah apabila dibincang berkenaan I'lal (إعلال) iaitu perubahan

atau penukaran yang berlaku pada huruf-huruf alif (ا), wau (و) dan ya' (ي) dan juga mufrad, muthanna, kata jamak, tashghir, nisbah. Selain itu, pembinaan sesuatu perkataan sama ada thulathi, rubaie, khumasi dan ketika menyentuh tentang soal tahap bacaan, maskulin dan feminin (Radzuan, 1999).

### **Tinjauan Kajian Lepas**

Sepanjang kajian kepustakaan yang dibuat, terdapat beberapa kajian yang ditemui sangat menyerupai dengan kajian ini iaitu kajian Marzuqah yang bertajuk *Al-Alfaz Al-Muwalladah fi Al-Mu'jam Al-Wasit* (2008) daripada Universitas Islam Negeri, Malang Indonesia. Dapatan kajian beliau merumuskan terdapat 120 leksikal *al-Muwalladah* di dalam *Mu'jam Al-Wasit* iaitu 6 leksikal pada huruf ب ba, 11 pada huruf ت 'ta', 1 pada huruf ث 'tsa', 9 pada huruf ج 'jim', 12 pada huruf ح 'ha', 6 pada huruf خ 'kha', 8 pada huruf د 'dal', 24 pada huruf ر 'ra', 4 pada huruf ز 'za', 15 pada huruf س 'sin', 14 pada huruf ش 'syin', 3 pada huruf ص 'sa', dan 2 pada huruf ض 'dha'. Berlainan dengan kajian yang akan dilaksanakan ini, pengkaji menggunakan data daripada kamus yang berlainan iaitu *al-Mu'jam al-'Arabiyy Al-Asasi* dan bukan sahaja menganalisis dari bidang semantik seperti kajian Marzuqah (2008) bahkan akan mengaitkan analisis tersebut melalui pola morfologi.

Di samping kajian tersebut, pengkaji juga melihat kajian pengkaji dalam negara seperti disertasi bertajuk "Kajian Leksis dalam Teori Medan Makna: Satu Analisis Kompenential" yang disempurnakan oleh Rokhsana Bibi Abdullah (1993). Kajian tinjauan ini memberi fokus terhadap masalah variasi istilah lingustik yang digunakan untuk merujuk kepada satu konsep dan beberapa konsep yang menggunakan istilah yang sama. Dapatan kajian

beliau dapat disimpulkan bahawa terdapat wujudnya pelbagai bentuk istilah untuk merujuk kepada satu konsep dan konsep-konsep yang berlainan untuk merujuk kepada satu istilah. Oleh yang demikian, terdapat perubahan-perubahan makna bagi istilah-istilah pinjaman dalam kalangan linguis. Karya-karya mereka juga mendapat kesan yang mana berlaku ketidakseragaman dalam penggunaan istilah linguistik khusus kepada istilah sintaksis.

Antara kajian lain yang dianggap hampir menyerupai dengan kajian ini adalah seperti disertasi yang dihasilkan oleh Wan Zahari (1999) yang berjudul “Kajian Leksikal dan Semantik dalam Sajak-sajak J.M. Aziz. Objektif kajian beliau adalah untuk melihat kepelbagaian bentuk serta penggunaan leksikal dan semantik terhadap karya-karya J.M. Aziz. Hasil dapatan kajian ini mendapati sajak-sajak J.M. Aziz terdapat memiliki pelbagai bentuk leksikal dan padat dengan unsur semantik dalam setiap baris sajak ciptaannya. Kerana itu, dapatan penulisan Wan Zahari juga menunjukkan hasil bahawa keupayaan memahami secara verbal lebih sukar jika dibandingkan dengan penulisan.

Walaupun bidang kajian Wan Zahari adalah sama dengan bidang kajian yang ingin diterokai oleh pengkaji, pengkaji akan menyempurnakan kajian beliau dengan memilih data daripada kamus bahasa Arab. Ini bermaksud data pengkaji bukan daripada teks sajak atau puisi tetapi ia adalah berkenaan dengan leksikografi.

Sedikit berlainan dengan penyelidikan Wan Mohd Saophy Amizul (2010) bertajuk “Entri Agama Berlabel ‘Ar’ dalam Kamus Dewan: Satu Analisis Semantik” yang memberi fokus terhadap kata serapan bahasa Arab di dalam bahasa Melayu yang diperolehi daripada Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat. Berbeza dengan kajian ini,

yang ingin melihat dari aspek perubahan pola morfologi bagi leksikal *al-Muwallad* dalam *al-Mu'jam al- 'Arabiy Al-Asasi*.

Selain itu, kajian yang bertajuk “Pemindahan Leksis bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Cina” yang dijalankan oleh Chen (2006) dilihat hampir menyamai dengan kajian Wan Mohd Saophy Amizul tetapi Chen mengkaji kata peminjaman bahasa Inggeris ke dalam bahasa Cina yang memberi fokus terhadap leksis berhuruf. Dapatan kajian beliau menunjukkan pelajar-pelajar kerap menggunakan leksis berhuruf kerana mudah dan ringkas. Bagi pegawai pendidikan pula, mereka mempunyai pandangan yang berbeza mengenai penerimaan leksis berhuruf sebagai leksikon bahasa Cina. Di samping itu, kesan leksis berhuruf telah mencemari keistimewaan bahasa Cina. Oleh yang demikian, kajian ini sekali lagi menunjukkan perbezaan dengan memberi fokus terhadap leksikal *al-Muwallad* dari aspek semantik dan kaitannya dengan pola morfologi.

## **METODOLOGI**

### **Data Kajian**

Data yang dijadikan sampel dalam kajian ini adalah daripada sumber kamus *al-Mu'jam al- 'Arabiy al-Asasi*. Data-data tersebut akan dipilih secara rawak daripada populasi leksikal *al-Muwallad*. Hanya data mempunyai kaitan perubahan makna dan pola akan dianalisis mengikut bahagian dan klasifikasi tertentu. Pemilihan *al-Mu'jam al- 'Arabiyy Al-Asasi* adalah berasaskan kepada statusnya yang merupakan salah satu di antara kamus

moden bahasa Arab yang menjadi rujukan penting pada masa kini. Kamus ini dihasilkan khusus untuk mereka yang mempunyai keinginan untuk mendalami bahasa Arab dalam membantu menguasainya dengan lebih baik. Entri-entri yang terkandung dalam kamus ini juga adalah entri moden yang telah mendapat kesepakatan badan yang bertanggungjawab mengendalikan penghasilan kamus untuk dimuatkan dalam *al-Mu'jam al-'Arabiyy Al-Asasi*.

### **Kaedah Pengumpulan Data**

Data yang berasaskan teks seperti transkrip temu bual, nota lapangan daripada pemerhatian, dokumen-dokumen berkaitan (dokumen rasmi dan dokumen peribadi), dan nota penyelidik perlu diuruskan dengan sistematik supaya dapat dianalisis mengikut kompenan tertentu seperti kompenan pengumpulan, penguncupan, pengolahann dan kesimpulan (Noraini, 2010: 492).

Apabila sumber data utama kajian telah dikenal pasti, maka pengkaji memulakan proses penelitian terhadap leksikal yang dikehendaki. Di dalam proses ini, semua leksikal *al-Muwallad* yang terdapat dalam kamus *al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asasi* akan disenaraikan beserta maksud dan dimasukkan dalam satu kumpulan. Kesemua leksikal tersebut diteliti dan dipilih untuk melihat jenis-jenis makna yang terdapat dalam leksikal tersebut. Seterusnya data-data tersebut diteliti untuk kali kedua untuk melihat kewujudan perkaitan perubahan makna dengan perubahan setiap leksikal daripada kata akarnya dan dimasukkan pada kumpulan lain. Langkah seterusnya adalah menyediakan satu senarai leksikal yang dikenal pasti jenis-jenis makna serta mempunyai perubahan bagi setiap



item leksikal dan diamati sekali lagi supaya dapat memenuhi kriteria yang telah dinyatakan dalam bahagian satu sebelum ini.

Untuk langkah yang terakhir, setelah kesemua leksikal yang diperlukan disenaraikan, leksikal-leksikal tersebut dihayati untuk kali terakhir beserta terjemahannya yang dipandukan daripada *al-Mu'jam al-Wasit*<sup>6</sup> untuk ketepatan makna dan kesahan leksikal yang dipilih.

### **Kaedah Pemilihan Sampel**

Selepas keseluruhan data-data dikumpul, proses ini diteruskan dengan pemilihan sampel daripada populasi leksikal *al-Muwallad* yang telah dikenal pasti. Pemilihan sampel dibuat secara rawak dengan menggunakan kaedah persampelan rawak sistematik.

Dalam prosuder kaedah ini, setiap unit atau subjek dalam populasi mendapat peluang untuk dipilih sebagai sampel. Ini bermakna setiap unit atau subjek ke-n akan dipilih yang mana jarak ke-n adalah setiap 20 muka surat kamus *al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asasi*. Ini bermaksud data yang dipilih sebagai sampel hanya pada gandaan tertentu sahaja (Chua, 2011: 217).

Kaedah persampelan sistematik ini dipilih kerana ia lebih mudah dilaksanakan memandangkan data kajian dalam kajian ini mempunyai jumlah yang banyak. Oleh yang demikian, Chua (2011: 217) telah membahagikan tiga langkah prosuder persampelan sistematik ini boleh dilaksanakan seperti urutan berikut:

- i. Menyenaraikan subjek-subjek populasi menggunakan angka dan disusun secara rawak tanpa melihat kepada kategori tertentu.

---


<sup>6</sup> *Al-Mu'jam al-Wasit* juga dianggap antara salah satu kamus moden bahasa Arab yang dihasilkan sepenuhnya oleh Pusat Bahasa Arab Mesir, Kaherah pada tahun 1960.

- ii. Menentukan bilangan sampel yang diperlukan dalam kajian.
- iii. Menjumlahkan nilai gandaan ke-n.

$$\text{Nilai gandaan } n = \frac{\text{jumlah perkataan dalam populasi}}{\text{Jumlah sampel yang diperlukan}}$$

### Kaedah Analisis Data

Data-data leksikal *al-Muwallad* yang diperolehi secara lengkap dianalisis berdasarkan kepada analisis jenis kerangka (*template*) seperti yang dikemukakan oleh Crabtree dan Miller (1992) yang dipetik daripada Noraini (2010: 493). Mengikut analisis jenis ini, pertamanya penyelidik menyediakan kerangka atau kod sebelum analisis terperinci dibuat terhadap teks. Kerangka ini bersifat terbuka, yakni boleh disemak semula selepas dipadankan dengan teks. Analisis jenis ini dibina berlandaskan teori, pengetahuan atau rumusan daripada teks yang dibaca. Proses menganalisis jenis template ini dapat digambarkan seperti rajah 3.1 berikut:





**Rajah 1 : Analisis jenis template (Sumber: Noraini, 2010)**

Berpandukan kepada rajah 1 di atas, proses menganalisis teks data kajian melibatkan kenal pasti unit iaitu selepas kesemua leksikal *al-Muwallad* disenaraikan dalam satu kumpulan. Apabila selesai proses tersebut, data-data yang dipilih akan disemak melalui kategori yang terdapat pada setiap leksikal *al-Muwallad* dalam kamus *al-Mu'jam al-'Arabiy al-Asasi*. Proses penyemakan ini dapat dilakukan berulang kali supaya dapat mempersembahkan laporan yang tepat. Menentukan perkaitan di antara makna dan pembentukan kata data kajian diamati selepas penyemakan dan seterusnya membuat pengesahan terhadap data yang dianalisis.

Secara umumnya, analisis data kajian ini melibatkan dua aspek iaitu analisis semantik dan diikuti oleh analisis morfologi berdasarkan pengumpulan data yang telah dilakukan.

### **KESIMPULAN**

Berdasarkan kepada bahagian pengenalan sehingga kepada metodologi kajian, penulisan ini berusaha merungkai persoalan tentang kepelbagaian makna (semantik) dan pola (morfologi) leksikal *al-Muwallad* dalam kamus *al-Mu'jam al-'Arabiy al-Asasi*. Hal ini kerana kamus mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan ilmu semantik. Diharapkan agar kajian ini dapat direalisasikan untuk masa akan datang.

## **RUJUKAN**

- Aini Haji Karim. (2005). Teori Medan Makna Pendeskripsian Leksikal Kata Kerja dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 5(3), 78-104.
- Chua, Yan Piaw. (2011). *Kaedah Penyelidikan*. Edisi Kedua. Malaysia: McGraw Hill.
- Harison Radzi. (2011). Proses Gramatikalasi dalam Morfologi Bahasa Melayu. Dlm. Nor Hashimah Jalaluddin, Mohammad Fadzeli Jaafar, & Harishon Radzi (Eds.),

- Seminar Kebangsaan Linguistik 2007 (SKALI '07)* (pp. 84-92). Serdang: Universiti Kebangsaan Malaysia Press.
- Mohd Zaki Abd. Rahman dan Che Radiah Mezah. (2010). *Ciri-ciri bahasa Arab fonetik, Morfologi dan sintaksis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad Marwan Ismail dan Wan Moharani Mohammad. (2009). *Kajian Semantik dan Mu'jam 'Arabiy*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Malaysia: Mc Graw Hill.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2011). Perkembangan Semantik Malaysia: Sorotan Ilmiah. Dlm. Nor Hashimah Jalaluddin, Mohammad Fadzeli Jaafar, & Harishon Radzi (Eds.), *Seminar Kebangsaan Linguistik 2007 (SKALI '07)* (pp. 43-65). Serdang: Universiti Kebangsaan Malaysia Press.
- Radzuan Ahmad. (1999). *Kajian Medan Maklumat di dalam Al-Mu'jam Al-Wasit*. Tesis master yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Raksana Bibi Abdullah. (1993). *Kajian Leksis dalam Teori Medan Makna: satu Analisis Komponential*. Tesis master yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- S, Nathesan. (2003). Teori Semantik dan kajian Kepustakaan Terhadap Semantik Leksikal. *Jurnal Bahasa*, 1(1), 108-135.
- Tajuddin Nur, M.Hum. (2010). *Semantik Bahasa Arab: Pengantar Studi Ilmu Makna*: Fakultas Sastra Universitas Padjadjaran.
- Wan Mohd Soaphy Amizul Wan Mansor. (2010). *Entri Agama Berlabel 'Ar' dalam Kamus Dewan: Satu Analisis Semantik*. Tesis master yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.